



ADNAN (tengah) beramah mesra dengan peserta persidangan meja bulat mengenai GST melibatkan golongan belia di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.



PERSIDANGAN meja bulat mengenai GST anjuran IYRES di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.

IYRES kumpul suara belia sebelum pelaksanaan sistem cukai baharu

Sesi penerangan GST diperluas

Oleh MOHD. TURMADZI MADUN
turmadzi.madun@kosmo.com.my

MENJADIKAN Malaysia sebagai negara maju merupakan satu impian dan cita-cita besar. Oleh itu, kerajaan telah mengambil beberapa langkah demi memastikan impian tersebut menjadi kenyataan.

Salah satunya ialah dengan memperkemas sistem per cukaian negara termasuk memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan mulai 1 April 2015.

GST merupakan sistem cukai baharu yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika membentangkan Bajet 2014 pada 23 Oktober tahun lalu.

Melalui sistem itu, cukai jualan dan cukai perkhidmatan dimansuhkan dan digantikan dengan satu cukai sahaja iaitu GST.

Ia dilakukan selepas kerajaan mendapati cukai-cukai yang dikenakan sekarang mempunyai beberapa kelemahan seperti kesan cukai berganda ke atas pengguna, ketiadaan pelepasan cukai ke atas barang yang dieksport dan isu pindahan harga.

Melalui pelaksanaan GST, ia dijangka tidak akan menyebabkan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan melainkan jika kadar cukai yang dikenakan lebih tinggi daripada kadar cukai jualan dan perkhidmatan yang dikenakan pada masa ini.

Setakat ini, sebanyak 160 buah negara maju di seluruh dunia telah menggunakan GST yang ternyata dapat memperkukuhkan ekonomi, sosial dan politik.

Namun, masalah timbul apabila orang ramai terutamanya belia tertanya-tanya mengenai keberkesanan GST ekoran tidak menerima maklumat yang tepat mengenainya hingga mengakibatkan kerajaan menerima pelbagai reaksi positif

dan negatif. Menyedari masalah tersebut, Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) mengambil langkah tersendiri untuk menjelaskan mengenai sistem tersebut.

Antara usaha yang dilakukan termasuk menganjurkan persidangan meja bulat Cukai Barangan dan Perkhidmatan: Apa Pandangan Belia? di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras, Kuala Lumpur pada 21 Disember tahun lalu.

Persidangan yang turut dihadiri oleh Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah IYRES, Adnan Abu Hassan ini membentangkan empat kertas kerja.

Ketua Pegawai Eksekutif IYRES, Dr. Wasitah Mohd. Yusoff berkata, pihaknya bertindak sebagai platform untuk mengumpul maklumat daripada golongan belia dalam menyuarakan pandangan, maklum balas dan reaksi mereka berkaitan GST.

Katanya, selepas mendapat maklum balas belia, pihaknya akan menyerahkan hasil perbincangan kepada Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar untuk dibawa ke peringkat Kabinet.

"Dalam persidangan yang disertai kira-kira 100 belia itu, kita dapat merumuskan sembilan perkara berkaitan GST.

"Antaranya meminta kerajaan memberikan penerangan secara menyeluruh mengenai GST di peringkat akar umbi,

mengadakan dialog antara pemimpin dan rakyat serta memberi jaminan sistem cukai baharu itu tidak membebankan mereka," katanya ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Tambahnya, selain itu, belia juga berpendapat semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan GST agar memberikan maklumat yang jelas dan tepat mengenai keperluan sistem cukai tersebut.

Menurut Wasitah, belia juga menuntut agar kerajaan menjelaskan faedah yang diperoleh melalui GST, telus dalam memberikan penakrifan mengenai sistem cukai itu, hasil persidangan hendaklah dibincangkan ke dalam Makmal Kos Sara Hidup dan memasukkan subjek per cukaian dalam kurikulum pendidikan sekolah menengah.

"Kita bersedia menjadi platform belia untuk menyuarakan pandangan mereka tidak kira dalam apa jua isu.

"Kita melakukannya dengan jujur dan telus untuk memastikan belia berpuas hati di atas ketidakpuasan hati mereka," katanya.

Ujar Wasitah, pihaknya merancang untuk mengadakan enam lagi persidangan serupa bagi memberikan pemahaman secukupnya kepada belia mengenai GST dan beberapa isu lain seperti Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Selain itu, IYRES juga menggerakkan seramai 33 kakitangnya untuk turun padang bagi mengedarkan risalah, buku dan sebagainya untuk memberi penerangan lebih jelas berkaitan GST.

INFO Sembilan rumusan hasil perbincangan meja bulat IYRES

1. Meminta kerajaan memberikan penerangan secara menyeluruh mengenai GST di peringkat akar umbi.
2. Mengadakan dialog antara pemimpin dan rakyat.
3. Memberi jaminan GST tidak membebankan pengguna dengan kenaikan harga barang yang membawa kepada kos sara hidup yang tinggi.
4. Semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan GST perlu memberikan maklumat yang jelas dan tepat mengenai keperluan sistem cukai tersebut.
5. Menuntut agar kerajaan menjelaskan faedah yang diperoleh melalui GST.
6. Telus dalam memberikan penakrifan mengenai GST.
7. Hasil persidangan hendaklah dibincangkan ke dalam Makmal Kos Sara Hidup.
8. Memasukkan subjek per cukaian dalam kurikulum pendidikan sekolah menengah.
9. Memastikan agensi-agensi lain yang terlibat seperti kastam dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan membantu memberi penerangan pelaksanaan GST kepada rakyat.

"Kita menjangkakan kerajaan akan mengenakan kadar GST yang lebih rendah berdasarkan pengalaman lepas yang menunjukkan hanya sekali mereka menaikkan kadar cukai jualan pada 1983 sejak diperkenalkan pada 1972," katanya.

Beliau berkata, kadar cukai perkhidmatan pula tidak pernah dinaikkan sejak ia diperkenalkan pada 1975.

"Jadi, cadangan kerajaan itu wajar disokong kerana ia memberi kebaikan dan kesan positif pada ekonomi negara pada jangka masa panjang," katanya.



WASITAH